



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KERATAN AKHBAR 4 MAC 2017

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ISU : PENCEN PENAKAT

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	04.03.2017 Sabtu	UTUSAN MALAYSIA Terima pencen penakat lepas 10 tahun kematian suami	Dalam Negeri 32	PERKESO

Terima pencen penakat lepas 10 tahun kematian suami

KUANTAN 3 Mac - Selepas 10 tahun kematian suaminya di tempat kerja, seorang wanita akhirnya menerima pencen penakat daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Hakimah Abdul Rasid, 42, berkata, dia selama ini tidak mengetahui faedah caruman Perkeso oleh suaminya, Zainorin Awang yang meninggal dunia sewaktu bertugas pada 10 Mac 2007 ketika berusia 35 tahun.

Menurut Hakimah, dia membuat permohonan pada Februari lalu selepas dimaklumkan oleh kakaknya yang terbaca laporan mengenai tuntutan yang boleh dibuat selepas kehilangan anggota keluarga yang mencarum.

“Selepas disemak memang saya layak menerima faedah pengurusan jenazah dan pencen penakat secara berkala. Alhamdulillah, sebelum ini memang saya tak tahu.



ABU HURAIRAH AHMAD menyampaikan bayaran faedah pencen penakat kepada **Hakimah Abdul Rasid** di Wisma Perkeso Pahang di Kuantan, semalam. - BERNAMA

“Duit yang ada ini saya mahu buat upah haji untuk arwah dan menderma sebahagiannya kepada anak yatim,” katanya yang bekerja di Kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Penor di sini, disamping bagi menampung dua anak

yang kini berusia 22 dan 20 tahun.

Hakimah berkata demikian kepada pemberita selepas menerima bayaran pencen penakat berjumlah RM68,551.20 dan pencen bulanan RM562.87 daripada Pengarah Perkeso Pahang, Abu

Hurairah Ahmad di Pejabat Perkeso di sini, hari ini.

Abu Hurairah berkata, Hakimah ialah kes paling lama menerima faedah di Pahang iaitu selama 10 tahun dan bernasib baik kerana ada individu yang peka dengan hak beliau.

“Semakan mendapati arwah suaminya ada mencarum dengan Perkeso dan telah melebihi 42 bulan menyebabkan warisnya berhak menerima tuntutan dan pencen penakat secara berkala,” katanya.

Selain Hakimah, Perkeso turut membayar faedah hilang upaya kekal kepada lima pencarum lain iaitu Hanafe Awan Kechik, 62, (RM22,531.22); Ahmad Salimi Abdul Aziz, 38, (RM23,928.48); Syed Haron Syed Othman, 52, (RM75,103.20); Lim Foo Seng, 31, (RM96,400.80) dan Mohamad Firdaus Rosdi, 25, (RM45,294.30). - BERNAMA